

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN TANAH TKPM JABATAN
PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR**

A) Permohonan Tanah untuk Projek Penternakan Lembu Tenusu/Lembu Pedaging/Kerbau dan Penternakan Kambing/Bebiri/Tanaman Rumput/ Fodder).

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Berumur 21 tahun dan ke atas.
3. Mempunyai pengalaman dalam bidang penternakan / tanaman rumput sekurang kurangnya 3 tahun.
4. Mempunyai keupayaan dari segi kewangan. Pemohon perlu mengemukakan penyata bank 3 bulan terkini mengikut cadangan projek seperti berikut:-
 - a) Lembu pedaging/tenusu – RM100,000.00
 - b) Kambing pedaging/tenusu/usahawan tanaman rumput - RM50,000.00
- 4.1. Selain penyata bank, pemohon boleh mengemukakan simpanan kewangan lain dari institusi perbankan atau apa-apa yang dapat membuktikan simpanan kewangan pemohon.
- 4.2. Semua dokumen tersebut hendaklah ditunjukkan atas nama pemohon sahaja.
5. Mendapat pengesahan projek sedia ada dari Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah mengikut kawasan projek tersebut dijalankan (Dikecualikan bagi projek sedia ada di negeri Selangor).
6. Ladang sedia ada perlu dibuktikan sebagai ladang negatif penyakit.

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN TANAH TKPM JABATAN
PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR**

**B) Bagi Permohonan Tanah untuk Projek Penternakan Ayam Pedaging
/Ayam Kampung/ Ayam Baka**

1. Terbuka kepada warganegara Malaysia (Keutamaan kepada bumiputera)
2. Berumur 21 tahun dan ke atas.
3. Pemohon mempunyai keupayaan dari segi pengetahuan dan berpengalaman .menternak ayam secara intensif (keutamaan diberi kepada penternak sedia ada yang berdaftar di Negeri Selangor).
4. Mempunyai keupayaan dari segi kewangan. Pemohon perlu mengemukakan penyata bank 3 bulan terkini mengikut cadangan projek seperti berikut:-
 - c) Ayam pedaging – RM200,000.00
 - d) Ayam Pembaka (Breeder)- RM500,000.00
 - 4.1. Selain penyata bank, pemohon boleh mengemukakan simpanan kewangan lain dari institusi perbankan atau apa-apa yang dapat membuktikan simpanan kewangan pemohon.
 - 4.2. Semua dokumen tersebut hendaklah ditunjukkan atas nama pemohon sahaja
5. Mendapat pengesahan projek sedia ada dari Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah mengikut kawasan projek tersebut dijalankan (Dikecualikan bagi projek sedia ada di negeri Selangor).
6. Bagi Permohonan Ayam Baka (tidak termasuk baka ayam kampung) :
Mempunyai surat hasrat "Letter of Intent"(LOI) bagi pembekal anak ayam baka dari Grandparent Stock
7. Mempunyai pelan pemasaran anak ayam (DOC) yang lengkap bagi pengeluaran yang akan dikeluarkan (permohonan ayam pembaka)